

# PM akui pernah terima hadiah 26 kereta

**Tun** Dr Mahathir Mohamad mengakui beliau pernah menerima hadiah sebanyak 26 kereta sepanjang menjadi perdana menteri keempat.

Perdana Menteri berkata, semua kereta itu bagaimanapun sudah dipulangkan dan orang ramai yang ingin melihat kereta berkenaan boleh melihatnya di Langkawi, Kedah.

Beliau berkata, sekarang beliau dan semua menteri Kabinet tidak lagi boleh menerima hadiah mewah apabila kerajaan mensyaratkan nilai hadiah tidak melebihi RM500, selain hanya boleh menerima bunga dan buah-buahan sahaja.

Dr Mahathir bagaimanapun sempat berseloroh apabila memaklumkan ada pihak hendak memberinya hadiah sebanyak satu tan dodol.

## **Terima buah-buahan**

“Namun saya menolaknya, tetapi mereka tetap menghantarnya dan saya terpaksa sedekahkan kepada orang lain, saya tidak tahu sama ada itu rasuah atau tidak, malah saya turut terima dua kotak besar buah-buahan.

“Sekarang ini rumah saya penuh dengan makanan, dengan bunga, tak payah report (lapor) kepada Tan Sri Abu Kassim (Mohamed) (Pengerusi Pusat Governans Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC),” katanya.

Beliau mengulas cadangan JKKMAR mewujudkan dan melaksanakan dasar penerimaan hadiah dengan semua menteri harus menandatangani aku janji mengeluarkan arahan dan memastikan pelaksanaan dasar berhubung penerimaan hadiah ini dilaksanakan.